



قِيَامُ كُنُوزِ حَاكِمِ شَرِيٍّ نَكْرِيٍّ فَوْقَ لَوْ قَيْنِغِ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 (85)
Tarikh : 4 Disember 2013
30 Muharram 1435H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 8 2013
LARANGAN MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT/ TELEFON PINTAR DAN GADJET
YANG SEUMPAMANYA DI DALAM MAHKAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah didapati ada segelintir peguam, litigan-litigan serta orang awam yang tidak mematuhi etika di dalam Mahkamah. Penggunaan telefon bimbit/ telefon pintar dan gadget seperti iPad, tablet dan sebagainya telah digunakan di dalam Mahkamah yang boleh mengganggu prosiding Mahkamah.

3. **SILA AMBIL PERHATIAN**, penggunaan atau pengaktifan telefon bimbit/ telefon pintar dan gadget tersebut di dalam Mahkamah adalah dilarang sama sekali. **SEKIRANYA** didapati mana-mana pihak tidak mematuhi arahan ini, pihak Mahkamah akan merampas alatan tersebut serta merta. Pihak Mahkamah boleh mengenakan apa-apa bayaran yang difikirkannya patut sekiranya pihak-pihak ingin mendapatkan alatan tersebut semula.



SYARIAH ASAS KEADILAN
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KeadILAN”**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang